

Headline	Nama tempat daripada tumbuh-tumbuhan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	517 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,654



Nama tempat daripada tumbuh-tumbuhan



AKHBAR *Mingguan Malaysia* sebelum ini pernah membuat pendedahan mengenai kewujudan sebuah kondominium di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, yang menggunakan nama St. Petersburg.

Nama itu memang tidak sesuai digunakan di negara ini kerana faktor perbezaan budaya dan bahasa.

Bangunan dengan nama itu hanya sesuai digunakan di Rusia memandangkan St. Petersburg adalah bandar kedua terbesar di negara itu yang telah dibuka oleh raja Peter the Great. Nama lain adalah Petrograd dan Leningrad.

Fenomena menggunakan nama asing khususnya bahasa Inggeris pada kondominium dan juga taman-taman perumahan baharu di negara ini semakin kronik.

Boleh dikatakan nama menggunakan bahasa Inggeris itu adalah lebih banyak selepas merdeka berbanding ketika negara kita dijajah oleh British.

Sehubungan itu, penerbitan buku ini cukup sesuai untuk mengingatkan pemilik bangunan, pemaju perumahan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bahawa mereka perlu kembali meneruskan tradisi menamakan tempat, premis dan taman perumahan dengan nama tumbuh-tumbuhan.

Amalan menggunakan nama tumbuh-tumbuhan telah dimulakan sejak dahulu lagi. Sebab itu banyak negeri, bandar dan daerah di Malaysia yang menggunakan nama sedemikian.

Antaranya, pokok pinang (negeri Pulau Pinang), pokok melaka (negeri Melaka), pokok kangar (bandar Kangar), pokok ipuh (bandar raya Ipoh), pokok kangsar (daerah Kuala Kangsar), pokok dungun (daerah Dungun), pokok macang (jajahan Machang) dan pokok putat (daerah Putatan, Sabah).

Kesedaran paling tinggi untuk menggunakan nama tumbuh-tumbuhan boleh dilihat di bandar

raya Shah Alam, Selangor.

Contohnya, nama bunga digunakan untuk jalan di Seksyen 2, pokok (Seksyen 3), buah (Seksyen 4), tumbuhan yang hidup di kawasan pantai (Seksyen 18) dan sayur-sayuran (Seksyen 24).

Mungkin ada pihak yang menganggap tidak glamor sekiranya bangunan dan tempat menggunakan nama tumbuh-tumbuhan seperti mengkuang, serai dan angka kerana tidak unik serta selalu disebut orang ramai.

Langkah itu boleh dibuat sekiranya nama tumbuh-tumbuhan digabungkan dengan perkataan lain untuk menjadi lebih unik seperti Kampung Padang Mengkuang, Kampung Sungai Serai dan Kampung Bukit Nangka.

Kebiasaannya nama tumbuh-tumbuhan digabungkan dengan bentuk geografi di sesuatu kawasan seperti di kawasan kampung berkenaan terdapat padang luas, sungai dan kawasan berbukit-bukau.

Untuk menambah keunikan, bolehlah digunakan nama tumbuh-tumbuhan berdasarkan loghat daerah seperti pokok gajus yang turut dikenali sebagai janggus (utara Semenanjung Malaysia), ketereh (Kelantan) dan jambu golok (Terengganu).

Nama berkenaan turut digabungkan dengan elemen geografi seperti Alor Janggus, Kedah dan Kampung Bukit Jambu Golok, Terengganu.

Elemen geografi lain yang sering digabungkan dengan nama tumbuh-tumbuhan adalah alur (parit kecil), bagan (pangkalan), teluk, cangkat atau gong (bukit kecil), paya, guar (anak bukit), telaga, tanjung, permatang, kedai, hutan, dusun, kuala (tempat sungai mengalir masuk ke laut), kubang (lopak berisi air), lembah, lubuk dan parit.

Sebenarnya banyak tumbuhan kurang dikenali yang boleh dijadikan nama bangunan dan taman perumahan tanpa menimbulkan perasaan pelik.

Contohnya, gapis, bangkung, beruas, bogak, dungun, jelutung, jeneris, jeruju, perupuk, kasai, ke-ladan, keledang, kempas, kerian, langkap, leban, lerek, nyirih, pe-

lung, perepat, petaling, piai, pudu, rawa, redan, rengas, resak, rukam, sekiat, sentang dan sepetir.

Dalam pada itu, satu hakikat yang seharusnya diketahui semua pihak adalah nama dalam bahasa Inggeris bukan penentu bagi menjadikan sesuatu bangunan dan tempat popular.

Misalnya, Lapangan Terbang

Changi di Singapura pada 2016 telah dipilih sebagai Lapangan Terbang Terbaik di Dunia buat empat tahun berturut-turut berdasarkan tinjauan pendapat syarikat penyelidikan dari United Kingdom, Skytrax, ke atas 13.25 juta penumpang daripada seluruh dunia.

Pemilihan itu sudah tentu bukan kerana nama. Changi berasal daripada perkataan cengal sejenis pokok balak yang terkenal dengan kayu keras dan tahan lama.

Buku ini adalah paling lengkap pernah diterbitkan yang memaparkan nama tempat yang sinonim dengan 149 tumbuhan di Malaysia.

Naskhah ini memang sesuai dijadikan rujukan untuk semua pencinta bahasa kebangsaan.

Turut dilampirkan adalah senarai spesies bunga-bunga dan sayur-sayuran yang sinonim dengan nama tempat.

Ekoran sumbangan penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam menghasilkan buku ini, maka naskhah berkenaan diberikan Anugerah Buku Negara (Buku Teknikal Terbaik) 2016 oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Buku berkenaan adalah penerbitan kelima FRIM yang memenangi Anugerah Buku Negara.

Selamat membaca.



Kebiasaannya nama tumbuh-tumbuhan digabungkan dengan bentuk geografi di sesuatu kawasan seperti di kawasan kampung berkenaan terdapat padang luas, sungai dan kawasan berbukit-bukau.

Headline	Nama tempat daripada tumbuh tumbuhan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	517 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,654

info

- > Judul: **Sinonim Nama Tempat dengan Nama Tumbuhan**
- > Penulis: **Datuk Dr. Abd Latif Mohmod, Dr. Ahmad Zuhaidi Yahya, Zawiah Ngah, Nik Zanariah Nik Mahmood dan Othaman Hasin**
- > Jumlah halaman: **354**
- > Tahun terbitan: **2016**
- > ISBN: **978-967-0622-68-2**
- > Terbitan: **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- > Harga: **RM220**

